

07 FEB 1999

Pertabalan-Cuti

4 MAC CUTI UMUM DI TERENGGANU SEMPENA PERTABALAN

KUALA TERENGGANU, 7 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri mengumumkan cuti umum pada 4 Mac ini sempena istiadat pertabalan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang akan diadakan di Istana Maziah di sini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, sambutan gilang gemilang pertabalan itu akan berlangsung selama tujuh hari bermula 27 Feb ini dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian.

Beliau berkata, pada pagi 4 Mac, majlis akan dimulakan dengan istiadat bersiram dan diikuti isitadat pertabalan pada sebelah petang sebagai upacara kemuncak.

"Manakala pada sebelah malam akan diadakan majlis berzanji dan pada 5 Mac majlis jamuan Diraja yang akan dihadiri oleh Raja-Raja Melayu dan para pembesar negara," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Wan Mokhtar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan turut menyertai majlis jamuan Diraja itu.

Beliau menambah, Sultan Terengganu juga dijangka turut merasmikan beberapa bangunan penting di negeri ini serta Jambatan Kuala Ibai yang namanya akan diumumkan kemudian sempena pertabalan itu.

Menteri Besar berkata, jamuan untuk kanak-kanak sekolah juga akan turut diadakan di kediamannya di sini pada 9 Mac yang turut dihadiri oleh Tuanku Al-Sultan.

"Sempena upacara istiadat ini, saya bagi pihak kerajaan negeri menyeru kerjasama rakyat dan agensi-agensi swasta untuk membersihkan persekitaran premis mereka bagi menyerikan lagi sambutan pertabalan," tambahnya.

Sementara itu katanya, beberapa agensi kerajaan negeri dan swasta turut memberi sumbangan dengan membina kira-kira sepuluh buah pintu gerbang di beberapa kawasan di negeri ini sempena pertabalan Sultan Terengganu.

Di antara jalan-jalan yang dibina pintu gerbang termasuk Jalan Cerung Lanjut, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Sultan Mahmud.

--BERNAMA

AYB ZB